

Soalan No: 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 2.8.2017

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang akan diambil dengan segera oleh Kerajaan untuk membanteras gejala buli; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan membentangkan undang-undang baru berkaitan isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil beberapa langkah proaktif dalam membendung gejala buli melibatkan murid di sekolah. Antaranya melalui usaha pencegahan dengan pelaksanaan arahan beberapa surat pekeliling seperti Surat Siaran Menangani Tingkah Laku Ala Samseng dalam Kalangan Murid bertarikh 11 Mac 2009, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 tahun 2010 Garis Panduan Mencegah dan menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah, Surat Siaran Pematuhan Garis Panduan

Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam kalangan murid di sekolah bertarikh 11 November 2014 dan Surat Pekeliling Iktisas Bil 7/2011; Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid tahun 2011. Usaha pemulihan dan bimbingan kepada mangsa buli juga dilaksanakan melalui guru bimbingan dan kaunseling sekolah dengan kerjasama ibu bapa dan Agensi Anti dadah Kebangsaan. Bagi memantapkan langkah pencegahan dan penguatkuasaan disiplin murid termasuk gejala buli, KPM telah menjalinkan kerjasama dengan agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, di antaranya melalui Program Remaja Berwawasan.

- b) KPM telah meneliti kembali Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Sekolah) 1959 [*Education (School Discipline) Regulations, 1959*] yang masih berkuatkuasa dan telah menyediakan draf Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] untuk dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara bagi tujuan semakan dan ulasan.